

35 kawasan baru disyor untuk Dewan Negeri

# Dewan Rakyat akan tambah 20 kerusi lagi

Oleh

JAMALUDDIN BAKAR

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Dewan Rakyat dijangka mendapat tambahan kira-kira 20 kerusi manakala Dewan-Dewan Undangan Negeri pula mendapat tambahan 35 kerusi dalam kajian semula kawasan-kawasan pilihanraya yang telah selesai dijangka.

Ini bermakna jika syor ini diluluskan, Dewan Rakyat akan mempunyai 174 wakil dan 347 anggota Dewan Undangan Negeri di Semenanjung.

*Berita Harian* mendapat tahu Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menyalpkan laporan lengkap mengenai kajian itu pada bulan lalu tetapi ia tidak diumumkan kerana belum diluluskan oleh Parlimen.

Serentak itu, Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri akan dipinda pada Sidang Parlimen Julai ini bagi membolehkan sempadan-sempadan kawasan baru diwujudkan.

Kajian itu dibuat berdasarkan kehendak Perlembagaan Persekutuan Fasal 113 (3) yang menyebut bahawa Suruhanjaya Pilihanraya boleh dalam masa tidak lebih dari 10 tahun, termasuk kepada Fasal 3, tidak kurang dari lapan tahun mengkaji kawasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan mengesyorkan perubahan yang difikirkan penting.

Kali terakhir kawasan pilihanraya dikaji semula ialah pada tahun 1974 di mana 10 kerusi Dewan Rakyat dan 30 kerusi Dewan Undangan Negeri ditambah. Ketika itu jumlah pengundi hanya 4 juta sahaja.

*Berita Harian* diberitahu bahawa kajian semula itu dibuat memandangkan perkembangan-perkembangan yang telah berlaku sejak 10 tahun lalu termasuk bertambahnya bilangan pengundi kepada 6.5 juta.

Di samping itu, ia juga berkaitan dengan pertumbuhan bidang ekonomi, sosial dan pertambahan bilangan penduduk di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Laporan yang telah disalurkan itu mengandungi perakuan-perakuan mengenai sempadan kawasan-kawasan pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

## Negeri2 tertentu

Sempadan baru itu diwujudkan dengan harapan memberi perkhidmatan lebih berkesan kepada rakyat.

*Berita Harian* difahamkan negeri yang jelas akan diberi peruntukan kerusi tambahan Dewan Rakyat ialah Johor (2), Kelantan (2), Kedah (2), Selangor (2) manakala negeri-negeri lain mungkin mendapat satu kerusi tambahan.

Begitu juga kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri akan ditambah kepada negeri-negeri tertentu kecuali Melaka dan Perlis.

Bagaimanapun, negeri-negeri yang terlibat dalam penambahan kerusi Dewan Undangan Negeri telah diberitahu

supaya pindaan perlembagaan dapat dibuat setelah Parlimen meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Antara butir-butir laporan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya termasuk:

● Latarbelakang dan kedudukan pecahan kerusi-kerusi Parlimen bagi tiap-tiap negeri yang ada sekarang berbanding dengan kerusi-kerusi Parlimen tiap-tiap negeri sebelum dan selepas syor dibuat.

● Mengemukakan daftar-daftar pilihanraya yang digunakan bagi tujuan persempadanan.

Suruhanjaya Pilihanraya difahamkan akan memberi peluang kepada parti-parti politik atau orang awam memberi cadangan mengenai syor yang dibuat selepas ia diumumkan.